

14/11/2003

Tidak `science oriented' boleh jana idea kreatif

Salina Abdullah

ADA setengah pihak beranggapan Pak Lah tidak akan mempunyai `sentuhan' seajaib Tun Dr Mahathir Mohamad apabila membicarakan mengenai sains, teknologi dan alam sekitar. Apatah lagi untuk mencetuskan idea yang bernas dalam bidang ini.

Alasan mereka, Pak Lah bukan `science oriented' - berpendidikan dalam bidang sains, termasuk perubatan - seperti Dr Mahathir. Oleh itu, cara pemikiran beliau tidak akan sama seperti Dr Mahathir atau graduan bidang sains yang lain, tidak kreatif apa lagi inovatif.

Pada mereka, hanya golongan yang `science oriented' boleh mempunyai pandangan dan pemikiran yang jauh serta bernas mengenai bidang berkenaan. Orang lain yang tiada pendidikan dalam bidang sains tidak boleh. Pemikiran mereka tidak analitikal, pandangan mereka tidak kritikal dan idea mereka tidak praktikal.

Untuk itu, kata mereka, Pak Lah akan berhadapan 1001 macam kepayahan untuk meneruskan kecemerlangan negara dalam bidang itu.

Dua hari sebelum melepaskan tampuk pemerintahan negara, Dr Mahathir menyuarakan harapannya untuk melihat bidang sains dan teknologi serta alam sekitar terus berkembang.

Katanya, ini penting bagi memastikan negara terus berdaya maju dan berdaya saing. Ia juga penting untuk memastikan rakyat dan negara ini mampu menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi. Malah, lebih penting lagi ia dapat mengelakkan negara daripada terus bergantung kepada negara maju.

"Saya fikir kita telah buat banyak kemajuan dalam bidang ini (sains dan teknologi). Kita punya kemajuan walaupun tak sama negara maju. Tetapi dianggap oleh ramai pemerhati sebagai kemajuan yang cukup besar dan saya yakin kita boleh buat lebih daripada itu," kata Dr Mahathir.

Harapan itu hakikatnya disandarkan ke bahu Pak Lah. Tidak keterlaluan jika dikatakan harapan itu sebenarnya satu `beban' - satu tanggungjawab - yang amat besar, lebih-lebih lagi dengan cara pemikiran, penilaian dan pengamatan beliau yang mungkin `tidak saintifik'.

Namun, sebagai seorang pemimpin yang luas pengalaman dan perlu berhadapan dengan pelbagai isu, termasuk sains, teknologi dan alam sekitar, baik pada peringkat domestik mahu pun antarabangsa, bidang ini sebenarnya bukan sesuatu yang baru bagi beliau.

Tidak `science oriented' bukan bermakna tidak boleh menjana idea kreatif. Tidak bermakna tidak mempunyai kesedaran dalam bidang itu. Harus diingat, sebagai Menteri Kabinet dan Timbalan Perdana Menteri sebelum ini, Pak Lah juga bertanggungjawab merealisasikan dasar berkaitan pembangunan sains, teknologi dan alam sekitar.

Pak Lah berulang kali menegaskan pendiriannya selepas memegang tampuk pemerintahan negara. Beliau akan meneruskan segala dasar yang digariskan oleh pemimpin sebelumnya dengan Wawasan 2020 menjadi inspirasi memacu rakyat melakukan pembangunan secara komprehensif untuk mencapai taraf negara maju.

Beliau peka dengan perkembangan dan kelemahan yang berlaku dalam bidang ini. Ketika mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Pembangunan Lestari di Johannesburg, Ogos tahun lalu, ucapan beliau mendapat pujian negara anggota khususnya negara membangun.

Beliau menegaskan bahawa pembangunan lestari di negara membangun hanya akan menjadi kenyataan jika semua negara berkenaan mempunyai keupayaan

dalam pelbagai bidang dengan dibantu oleh negara maju.

Tanpa keupayaan yang setanding dengan negara maju yang memiliki pelbagai kelebihan, pembangunan lestari yang dicita-citakan sejak lebih 10 tahun lalu tidak akan menjadi kenyataan.

"Negara membangun perlu membina keupayaan sendiri terlebih dulu dalam bidang teknologi, ilmu pengetahuan, teknologi maklumat, kewangan, perdagangan sains, kepelbagaian biologi serta kajian dan pembangunan," katanya.

Negara membangun juga, kata Pak Lah, perlu memiliki keupayaan dalam bidang digital dengan menyediakan keupayaan pekerja berilmu, pengetahuan ekonomi dan pengetahuan perdagangan.

Ini semuanya pasti tidak dapat dilakukan jika rakyat negara terbabit, termasuk Malaysia tidak 'bangun dari tidur' dan memajukan diri dalam bidang berteknologi tinggi, bidang sains dan teknologi.

Menyedari hakikat itu, Pak Lah menyarankan rakyat negara ini, khususnya Bumiputera untuk mengambil jurusan sains sebagai persediaan menghadapi perkembangan ekonomi dan industri berasaskan sains dan teknologi.

Beliau sedar akan masalah yang berlaku dan menyedari kekurangan 'stok' saintis atau lulusan sains di negara ini, terutama di kalangan pelajar Melayu. Memang ada anak Melayu yang berjaya dalam bidang ini tetapi jumlahnya terlalu rendah iaitu kurang daripada 20 peratus berbanding bangsa lain.

Akibatnya, masyarakat Malaysia lebih terkenal sebagai pengguna teknologi dan bukan penyumbang kepada pembentukan teknologi baru. Pertumbuhan ekonomi negara banyak berasaskan penghasilan barang yang menggunakan teknologi negara lain seperti barangan elektrik dan dieksport ke seluruh dunia.

Jelas sekali, perkara pertama yang perlu dilakukan Pak Lah ialah memastikan negara tidak ketandusan sumber tenaga dalam bidang ini. Untuk itu, mungkin ada baiknya pengajaran dan pembelajaran subjek sains di sekolah, dijadikan lebih menarik atau kerajaan harus melupakan sasaran 60 peratus pelajar sekolah menengah dan universiti mengikuti jurusan sains dan teknologi menjelang 2008.

Bagaimana untuk menjadikannya menarik? Seimbangkan teori dan praktikal. Pelajar tidak akan dapat atau kurang memahami apa yang dipelajari jika ia teori semata-mata. Biarkan pelajar menerokai dan mengalami apa yang dipelajari.

Jika belajar konsep fotosintesis umpamanya - bagaimana tumbuhan membuat makanan, meneruskan hayatnya dengan kehadiran matahari - biarkan pelajar membuat uji kaji. Apa kesannya kepada tumbuhan jika ia menerima cahaya matahari dan apa pula yang akan terjadi jika tidak?

Pada masa yang sama, kerajaan harus melakukan sesuatu bagi memastikan kerjaya dalam bidang ini mendapat pengiktirafan atau setidak-tidaknya pendapatan yang menarik. Gaji saintis yang rendah adalah antara faktor utama yang menghadkan pembabitan pelajar dalam bidang kritikal ini di samping persekitaran kerja yang tidak menarik.

Faktor ini jugalah yang menyebabkan ramai saintis tempatan mencari rezeki dan menabur bakti di negara asing. Perkara ini memang sudah diakui dan diperjuangkan sejak zaman Dr Mahathir lagi tetapi masih ramai pihak yang tidak proaktif memperbaiki keadaan walaupun sudah ada perubahan positif kebelakangan ini.

Jelas sekali, tanggungjawab Pak Lah tidak kecil. Namun, adalah tidak adil untuk mengatakan Pak Lah akan tewas tanpa memberi peluang beliau untuk bertarung di 'medan perang'. Keterlaluan untuk mengatakan Pak Lah tidak akan mampu atau gagal meneruskan kecemerlangan Dr Mahathir memajukan bidang sains dan teknologi di negara ini apatah lagi di rantau ini.

Namun, Pak Lah juga harus menerima hakikat suara sumbang ini adalah satu

senario yang harus diterima, ditelan dan dihadapi, setidak-tidaknya untuk tempoh lima ke 10 tahun lagi. Dr Mahathir juga mengambil masa yang lama untuk mencipta kecemerlangan dan yang lebih sukar, menanam keyakinan dan minat rakyat untuk menerokai bidang berkenaan.

Sekadar mengimbas satu ketika dulu apabila kerajaan di bawah kepimpinan Dr Mahathir mengemukakan cadangan untuk menghasilkan kereta tempatan - buatan Malaysia - banyak suara sumbang memperlekehkan hasrat itu. Hari ini, kereta nasional gah menguasai jalan raya bukan saja di dalam malah di luar negara. Kini, kita boleh berbangga dengan rangkaian kereta tempatan, bermula dengan Proton Saga yang dikeluarkan pada 1985, diikuti Iswara (1992), Wira (1993); Satria (1994); Perdana (1995); Tiara (1996), Putra (1997) dan Waja (2000), yang reka bentuknya dimajukan sepenuhnya oleh jurutera tempatan.

Beri masa kepada Pak Lah. Berikan beliau ruang untuk menonjolkan keupayaannya. Namun, satu perkara yang pasti menarik mengenai Pak Lah ialah beliau tidak pernah lupa untuk mengaitkan Islam dalam sebarang pendekatannya, termasuk dalam mendalami ilmu sains dan teknologi.

Beliau pernah mengingatkan orang Melayu supaya tidak lagi berfikiran sempit dengan beranggapan ilmu selain agama adalah untuk kepentingan dunia semata-mata. Katanya, pemikiran begitu sebenarnya menganiaya anak mereka sendiri.

"Fahaman mengasingkan ilmu agama dan akhirat perlu dipadamkan segera, sebaliknya orang Melayu, khususnya beragama Islam, perlu menguasai semua bidang mencontohi cendikiawan Islam dulu yang menguasai pelbagai bidang, termasuk astronomi.

"Kita tidak boleh kata ada ilmu dunia kerana semua ilmu datang dari Allah dan jangan membuat tafsiran silap kerana ia akhirnya akan merugikan bangsa kita sendiri," katanya.

Kerajaan mahu melihat anak Melayu menjadi intelek beriman dan tidak hanya beribadat untuk akhirat, tetapi turut menyumbangkan kepakaran mereka demi pembangunan semua umat.

Mungkin ini sebenarnya satu kelebihan seorang graduan pengajian Islam. Mungkin kelebihan ini yang akan menjadikan pandangan tidak saintifik beliau menjadi sesuatu yang amat praktikal dan mampu menjadi pemangkin dan penyambung kemajuan rakyat serta negara.